

## BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

### GUIDANCE NOTE 17

#### PROSEDUR PENYENARAIAAN UNTUK TERBITAN BAHARU SEKURITI DAN PEMBAHAGIAN KECIL SYER

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa:	3 Ogos 2009
Tarikh semakan:	3 Ogos 2009
	Kaedah 6.02, 6.02A, 6.12, 6.47, 6.50 dan 13.04
	3 Januari 2012, 26 September 2012, 27 Januari 2015, 1 April 2015, 13 Julai 2015, 2 Januari 2018, 13 Ogos 2020

#### 1.0 Pengenalan

- 1.1 Nota Panduan ini menyatakan kehendak yang berikut berhubung sesuatu permohonan untuk penyenaiaan terbitan baharu sekuriti bawah Bab 6 dan pembahagian kecil syer bawah Bab 13, Kehendak-kehendak Penyenaiaan:
- (a) prosedur untuk penyenaiaan terbitan baharu sekuriti dan pembahagian kecil syer;
  - (b) borang dan dokumen sokongan permohonan penyenaiaan dan sebutan harga (jika berkenaan); dan
  - (c) kehendak lain yang berkaitan
- 1.2 Berhubung terbitan baharu sekuriti menurut kepada atau yang akan mengakibatkan perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar perbadanan tersenarai, perbadanan tersenarai mesti mematuhi kehendak bawah Nota Panduan 15, jika berkenaan, seolah-olah ia adalah pemohon yang ingin memohon untuk diterima masuk ke Senarai Rasmi. Walaubagaimana pun, bila perbadanan tersenarai tersebut menerbitkan sekuriti baharu, perbadanan tersenarai juga mesti mematuhi kehendak bawah Nota Panduan ini, jika terpakai.

#### BAHAGIAN I - PROSEDUR PERMOHONAN DAN PROSES PENERIMAAN MASUK

#### 2.0 Prosedur yang berkaitan dengan penyenaiaan terbitan baharu sekuriti

- 2.1 Prosedur berikut terpakai untuk penyenaiaan terbitan baharu sekuriti oleh perbadanan tersenarai, yang tidak termasuk dalam perenggan 3.0 atau 4.0 di bawah, dengan pengubahsuaian yang diperlukan, sebagaimana yang boleh terpakai -
- (a) perbadanan tersenarai mengumumkan dengan serta merta kepada Bursa terbitan baharu sekuriti apabila mendapat kelulusan ini dari lembaga pengarah perbadanan tersenarai;

**Prosedur Penyenaian untuk Terbitan Baharu Sekuriti dan Pembahagian kecil Syer**

---

- (b) perbadanan tersenarai memfailkan dengan Bursa permohonan penyenaian untuk terbitan baharu sekuriti bersama-sama dokumen sokongan dan pekeliling draf untuk semakan Bursa, jika berkenaan;
- (d) Bursa memberikan kelulusan secara prinsip untuk penyenaian terbitan baharu sekuriti itu dan mengesahkan bahawa ia tidak mempunyai ulasan lanjut mengenai pekeliling draf;
- (e) perbadanan tersenarai mendapat kelulusan pemegang syer, jika dikehendaki;
- (e) perbadanan tersenarai menetapkan tarikh tutup dan kelayakan buku yang berkaitan, jika berkenaan dan mengumumkan dengan serta merta tarikh tersebut kepada Bursa;
- (f) perbadanan tersenarai menerbitkan dan menumpukkan sekuriti itu;
- (g) perbadanan tersenarai memfail dengan Bursa satu permohonan sebutan harga bersama-sama dokumen sokongan; dan
- (h) sekuriti dimasukkan ke Senarai Rasmi dan disebut harga di Bursa 2 hari pasaran selepas penerimaan permohonan sebutan harga bersama-sama dokumen dan/atau pengesahan yang diperlukan dan yang sama didapati lengkap dalam semua hal.

**3.0 Prosedur berkaitan dengan penyenaian terbitan bonus sekuriti dan sekuriti boleh tukar hasil dari terbitan bonus****3.1 Prosedur berikut terpakai kepada penyenaian -**

- (a) satu terbitan bonus sekuriti oleh perbadanan tersenarai; dan
- (b) mana-mana terbitan sekuriti boleh tukar hasil dari pelarasan disebabkan terbitan bonus ("**sekuriti turutan**"),

dengan pengubahsuaian yang diperlukan, sebagaimana yang boleh terpakai:

- (i) perbadanan tersenarai mengumumkan dengan serta merta penerbitan bonus kepada Bursa apabila mendapat kelulusan lembaga pengarah perbadanan tersenarai;
- (ii) perbadanan tersenarai memfailkan dengan Bursa satu permohonan penyenaian untuk sekuriti terbitan bonus dan sekuriti turutan, jika ada, bersama-sama dokumen sokongan;
- (iii) Bursa memberikan kelulusan untuk penyenaian dan sebutan harga sekuriti terbitan bonus dan sekuriti turutan, jika ada dan mengesahkan bahawa ia tidak mempunyai ulasan lebih lanjut mengenai pekeliling draf;
- (iv) perbadanan tersenarai mendapat kelulusan pemegang syer;
- (v) perbadanan tersenarai menetapkan tarikh tutup buku untuk terbitan bonus dan sekuriti turutan, jika ada, dan mengumumkan dengan serta merta tarikh tersebut kepada Bursa menurut Kaedah 6.36 Kehendak-kehendak Penyenaian;
- (vi) perbadanan tersenarai menerbitkan dan mengumpukkan sekuriti. Jika terbitan bonus adalah satu Terbitan Bonus Ditetapkan, perbadanan tersenarai mesti menerbitkan dan mengumpukkan sekuriti itu pada tarikh tutup buku;

**Prosedur Penyenaiaan untuk Terbitan Baharu Sekuriti dan Pembahagian kecil Syer**

---

- (vii) perbadanan tersenarai mengumumkan kepada Bursa bilangan sekuriti yang akan disenaraikan dan disebut harga; dan
- (viii) sekuriti dimasukkan ke Senarai Rasmi dan disebut harga di Bursa. Jika terbitan bonus adalah satu Terbitan Bonus Ditetapkan, sekuriti terbitan bonus dan sekuriti turutan, jika ada, dimasukkan ke Senarai Rasmi dan disebut harga di Bursa pada hari pasaran yang berikut selepas tarikh tutup buku.

**4.0 Prosedur berkaitan dengan penyenaiaan sekuriti tambahan dari jenis dan kelas yang sama**

4.1 Prosedur dalam perenggan 4.2 di terpakai untuk penyenaiaan sekuriti tambahan, dengan pengubahsuaian yang diperlukan, sebagaimana yang boleh terpakai, di mana sekuriti tambahan itu akan disenaraikan dan disebut harga seperti sekuriti tersenarai yang sedia ada dari jenis dan kelas yang sama.

4.2 Prosedur yang disebut dalam perenggan 4.1 di atas adalah seperti berikut:

- (a) perbadanan tersenarai mengumumkan dengan serta merta terbitan baharu sekuriti kepada Bursa apabila kelulusan lembaga pengarah perbadanan tersenarai diberikan;
- (b) perbadanan tersenarai memfailkan dengan Bursa permohonan penyenaiaan untuk sekuriti tambahan bersama-sama dokumen sokongan dan pekeliling draf untuk semakan Bursa, jika berkenaan;
- (c) Bursa memberikan kelulusan untuk penyenaiaan sekuriti tambahan dan mengesahkan bahawa ia tidak mempunyai ulasan lebih lanjut mengenai pekeliling draf;
- (d) perbadanan tersenarai mendapat kelulusan pemegang syernya, jika dikehendaki;
- (e) perbadanan tersenarai menetapkan tarikh tutup dan kelayakan buku yang berkaitan, jika berkenaan dan mengumumkan dengan serta merta tarikh tersebut kepada Bursa;
- (f) perbadanan tersenarai menerbitkan dan menumpukkan sekuriti tambahan;
- (g) perbadanan tersenarai mengumumkan penyenaiaan sekuriti tambahan itu selaras dengan perenggan 12.2 di bawah; dan
- (h) sekuriti tambahan disenaraikan dan disebut harga di Bursa.

4.3 Prosedur dalam perenggan 4.2 di atas tidak terpakai untuk penerbitan sekuriti tambahan -

- (a) yang bergantung pada apa-apa cadangan korporat lain yang melibatkan -
  - (i) penerbitan sekuriti tambahan yang tidak akan disenaraikan dan disebut harga untuk menjadi sebahagian daripada sekuriti tersenarai yang sedia ada dari kelas yang sama; atau
  - (ii) penerbitan sekuriti jenis baharu; atau
- (b) sekuriti yang dilampirkan dengan sekuriti jenis baharu.

4.4 Bagi maksud perenggan ini, "**sekuriti tambahan**" merujuk kepada terbitan tambahan sekuriti tersenarai dari jenis dan kelas yang sama.

**4A.0 Prosedur berkaitan dengan pembahagian kecil syer**

4A.1 Perbadanan tersenarai yang melaksanakan pembahagian kecil syer mesti mematuhi prosedur yang dinyatakan dalam perenggan 3.0 di atas dengan pengubahsuaian yang diperlukan, sebagaimana yang boleh terpakai.

**5.0 Ringkasan prosedur penyenaiaan**

5.1 Tambahan NP17-A meringkaskan prosedur permohonan penyenaiaan yang dinyatakan dalam perenggan 2.0, 3.0 dan 4.0 di atas.

**6.0 Borang permohonan penyenaiaan dan sebutan harga dan dokumen sokongan**

6.1 Perbadanan tersenarai mesti menyerahkan simpan dengan Bursa permohonan penyenaiaan untuk terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer yang terdiri daripada berikut:

- (a) permohonan, di dalam borang dari Bahagian A Tambahan NP17-B; dan
- (b) dokumen sokongan yang dinyatakan dalam Bahagian B Tambahan NP17-B.

6.2 Tertakluk kepada perenggan 6.3 di bawah ini, sebuah perbadanan tersenarai juga mesti memfail dengan Bursa permohonan sebutan harga dari terbitan baharu sekuriti yang disertakan dengan dokumen yang ditentukan dalam Bahagian C Tambahan NP17-B dan dokumen lain sebagaimana yang boleh ditentukan dalam kelulusan secara prinsip yang diberikan oleh Bursa.

6.3 Permohonan sebutan harga tidak dikehendaki untuk permohonan penyenaiaan yang tertakluk kepada prosedur penyenaiaan yang dinyatakan dalam perenggan 3.0 dan 4.0 di atas.

**7.0 Borang permohonan penyenaiaan dan sebutan harga untuk sekuriti keutamaan boleh ditebus**

7.1 Untuk permohonan penyenaiaan untuk syer keutamaan boleh tebus, selain dari dokumen yang dinyatakan dalam perenggan 6.1 di atas, perbadanan tersenarai juga mesti memasukkan yang berikut:

- (a) maklumat yang dinyatakan dalam Bahagian D Tambahan NP17-B, tertakluk kepada penyesuaian yang diperlukan; dan
- (b) dokumen sokongan yang dinyatakan dalam Bahagian E Tambahan NP17-B.

**8.0 Permohonan penyenaiaan dan sebutan harga untuk sekuriti boleh tukar**

8.1 Untuk permohonan penyenaiaan untuk sekuriti boleh tukar, selain dari dokumen yang dinyatakan dalam perenggan 6.1 di atas, perbadanan tersenarai juga mesti memfail dengan Bursa bersama-sama permohonan penyenaiaan, dokumen sokongan yang ditentukan dalam Bahagian F Tambahan NP17-B.

**BAHAGIAN II – KEHENDAK BERKAITAN YANG LAIN****9.0 Penyenaiaan sekuriti diterbitkan dan tidak diterbitkan**

**Prosedur Penyenaiaan untuk Terbitan Baharu Sekuriti dan Pembahagian kecil Syer**

---

9.1 Perbadanan tersenarai mesti mematuhi perenggan 6.0 Nota Panduan 15 seolah-olah ia pemohon, dengan pengubahsuaian yang diperlukan. Bagi tujuan ini, "**kelulusan**" yang disebutkan dalam paragraf 6.0 Nota Panduan 15 termasuk "**kelulusan secara prinsip**".

**10.0 Mengkreditkan sekuriti**

10.1 Tertakluk kepada perenggan 10.3 di bawah ini, perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa semua terbitan baharu sekuriti yang diinginkan penyenaiaannya adalah dengan cara mengkreditkan akaun sekuriti penerima penumpukan dengan sekuriti tersebut.

10.2 Bagi tujuan di atas, perbadanan tersenarai mesti memberitahu Depositori semua butir-butir tersebut yang dikehendaki oleh Depositori, bagi membolehkan Depositori membuat catatan yang sewajarnya di dalam akaun sekuriti penerima penumpukan tersebut

10.3 Perenggan 10.1 di atas tidak terpakai jika perbadanan tersenarai dikecualikan secara khusus dari pematuhan seksyen 38 Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.

**11.0 Menerbit atau mengumpuk sekuriti**

11.1 Perbadanan tersenarai tidak boleh menerbit atau mengumpuk sekuriti sehingga setelah ia memfailkan dengan Bursa permohonan penyenaiaan untuk terbitan baharu sekuriti tersebut dan telah diberitahu oleh Bursa bahawa terbitan baharu tersebut telah diluluskan atau diluluskan secara prinsip untuk penyenaiaan, dalam kes yang berkenaan.

**12.0 Pengumuman berhubung terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer**

12.1 Sekiranya perbadanan tersenarai gagal untuk membuat suatu permohonan kepada Bursa pada tarikh yang ditentukan dalam pengumuman yang dibuat bawah perenggan 2.0, 3.0 atau 4.0 di atas, ia mesti mengumumkan dengan serta merta kepada Bursa tentang fakta kegagalan tersebut, sebab-sebabnya dan bila ia jangkakan untuk membuat permohonan itu.

12.2 Jika sekuriti tambahan adalah disenaraikan selaras dengan prosedur yang dinyatakan dalam perenggan 4.0 di atas, perbadanan tersenarai mesti mengumumkan dengan serta merta maklumat berikut apabila menerima pengesahan daripada Depositori bahawa sekuriti itu sudah sedia untuk dikreditkan ke dalam akaun sekuriti pemegang masing-masing:

- (a) perincian cadangan korporat itu;
- (b) jumlah bilangan sekuriti yang diterbitkan bawah setiap cadangan dan harga terbitan sesyer, jika ada;
- (c) Tarikh penyenaiaan dan sebutan harga; dan
- (d) modal syer terkini dan bilangan syer perbadanan tersenarai yang diterbitkan selepas cadangan itu yang menunjukkan bilangan syer (dalam unit dan RM).

## TAMBAHAN NP17-A

Ringkasan prosedur penyenaian  
(perenggan 5.0)

No.	Cadangan	Prosedur Terpakai (perenggan dari Nota Panduan 17)	Permohonan Sebutan harga Dikehendaki?	Tarikh Penyenaian
Terbitan Bonus				
A	Terbitan bonus sekuriti ("TB") yang merupakan satu Terbitan Bonus Ditetentukan.	3.0	Tidak	B + 1
B	TB yang bergantung pada D			
	TB	3.0	Tidak	Tarikh Berkaitan
	D	4.0	Tidak	Tarikh Berkaitan
C	TB yang bergantung pada –			
	(i) E; atau			
	(ii) F; atau			
	(iii) E or F, dan D atau			
	(iv) E, F, dan D			
	TB	3.0	Tidak	Tarikh Berkaitan (yang mesti jadi Q + 2 dari D, E, F)
	D, E, F	2.0	Ya	Q + 2
Lain-lain				
D	Cadangan yang melibatkan penerbitan sekuriti <b>tambahan</b> yang akan disenaraikan dan disebut harga seperti sekuriti tersenarai yang sedia ada dari kelas yang sama dan tidak bergantung pada E atau F	4.0	Tidak	Tarikh Berkaitan
E	Cadangan yang melibatkan penerbitan sekuriti <b>tambahan</b> yang tidak akan disenaraikan dan disebut harga seperti sekuriti	2.0	Ya	Q + 2

Tambahan NP17-A  
Ringkasan prosedur penyenaian

No.	Cadangan	Prosedur Terpakai (perenggan dari Nota Panduan 17)	Permohonan Sebutan harga Dikehendaki?	Tarikh Penyenaian
	tersenarai yang sedia ada dari kelas yang sama			
F	Cadangan yang melibatkan penerbitan sekuriti jenis <b>baharu</b> cth. waran, stok pinjaman tidak bercagar boleh tukar (ICULS), syer keutamaan, dll.	2.0	Ya	Q + 2
G	Cadangan yang melibatkan penerbitan sekuriti tambahan yang akan disenaraikan dan disebut harga seperti sekuriti tersenarai yang sedia ada dari kelas yang sama dan sekuriti tambahan tersebut adalah dilampirkan dengan sekuriti jenis baharu.	2.0	Ya	Q + 2

### Interpretasi

- (a) “**B**” ertinya Tarikh tutup buku.
- (b) “**TB**” ertinya satu terbitan bonus sekuriti.
- (c) “**Q**” ertinya Tarikh di mana permohonan sebutan harga diserahkan kepada Bursa.
- (d) “**Tarikh Berkaitan**” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Kaedah 6.36(3) Kehendak-kehendak Penyenaian.
- (e) “**Terbitan Bonus Ditetapkan**” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Kaedah 6.01(4) Kehendak-kehendak Penyenaian.

[Tambahan tamat]

**Tambahan NP7-B**

**Permohonan Penyenaiaan untuk terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer**

**TAMBAHAN NP17-B**

**Bahagian A**

**Permohonan penyenaiaan berhubung terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer**  
(perenggan 6.1(a), 7.1 dan 8.1)

Sila tik mana yang berkenaan. Jika tidak berkenaan, sila tandakan "T/B"  
[Anda boleh tik lebih dari satu kotak, jika berkenaan]

# *Potong yang tidak sesuai*

<b>1.</b>	<b>Nama perbadanan</b>																	
<b>2.</b>	<b>Jenis cadangan korporat</b>	<table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 80%;">(a) Pemerolehan (yang tidak mengakibatkan perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar perbadanan)</td> <td style="width: 20%; text-align: center;"><input type="checkbox"/></td> </tr> <tr> <td>(b) Terbitan Hak</td> <td style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></td> </tr> <tr> <td>(c) Terbitan Khas</td> <td style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></td> </tr> <tr> <td>(d) Penempatan Swasta</td> <td style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></td> </tr> <tr> <td>(e) Terbitan Bonus</td> <td style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></td> </tr> <tr> <td>(f) Skim Penerbitan Syer</td> <td style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></td> </tr> <tr> <td>(g) Pembahagian kecil syer</td> <td style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></td> </tr> <tr> <td>(h) Lain-lain: _____</td> <td style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></td> </tr> </table>	(a) Pemerolehan (yang tidak mengakibatkan perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar perbadanan)	<input type="checkbox"/>	(b) Terbitan Hak	<input type="checkbox"/>	(c) Terbitan Khas	<input type="checkbox"/>	(d) Penempatan Swasta	<input type="checkbox"/>	(e) Terbitan Bonus	<input type="checkbox"/>	(f) Skim Penerbitan Syer	<input type="checkbox"/>	(g) Pembahagian kecil syer	<input type="checkbox"/>	(h) Lain-lain: _____	<input type="checkbox"/>
(a) Pemerolehan (yang tidak mengakibatkan perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar perbadanan)	<input type="checkbox"/>																	
(b) Terbitan Hak	<input type="checkbox"/>																	
(c) Terbitan Khas	<input type="checkbox"/>																	
(d) Penempatan Swasta	<input type="checkbox"/>																	
(e) Terbitan Bonus	<input type="checkbox"/>																	
(f) Skim Penerbitan Syer	<input type="checkbox"/>																	
(g) Pembahagian kecil syer	<input type="checkbox"/>																	
(h) Lain-lain: _____	<input type="checkbox"/>																	
	<b>Nisbah Peratusan (jika berkenaan)</b>	<table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 80%;">(a) Pemerolehan _____ .....%</td> <td style="width: 20%;"></td> </tr> <tr> <td>_____</td> <td></td> </tr> <tr> <td>_____</td> <td></td> </tr> <tr> <td>(b) Pemerolehan _____ .....%</td> <td></td> </tr> <tr> <td>_____</td> <td></td> </tr> <tr> <td>_____</td> <td></td> </tr> <tr> <td>(c) Pemerolehan _____ .....%</td> <td></td> </tr> <tr> <td>_____</td> <td></td> </tr> </table>	(a) Pemerolehan _____ .....%		_____		_____		(b) Pemerolehan _____ .....%		_____		_____		(c) Pemerolehan _____ .....%		_____	
(a) Pemerolehan _____ .....%																		
_____																		
_____																		
(b) Pemerolehan _____ .....%																		
_____																		
_____																		
(c) Pemerolehan _____ .....%																		
_____																		





## Permohonan Penyenaiaan untuk terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer

7.	<b>Pengesahan Nota Panduan 3 ("GN3")</b>	<p>(a) Syarikat kami adalah sebuah Syarikat GN3 <span style="float: right;">Yas <input type="checkbox"/></span>  <span style="float: right;">Tidak <input type="checkbox"/></span></p> <p>(b) Cadangan dalam butiran (2) # adalah cadangan untuk menyelaraskan keadaan Syarikat GN3 sebagaimana yang disebut dalam Kaedah 8.04 (3) KP <span style="float: right;">Ya <input type="checkbox"/></span>  <span style="float: right;">Tidak <input type="checkbox"/></span></p>
8.	<b>Perincian dari cadangan termasuk bilangan &amp; jenis sekuriti yang dipohon untuk penyenaiaan &amp; harga terbitan (jika ada)</b>	
9.	<b>Denominasi mata wang yang sekuriti baharu akan di senaraikan dan disebut harga</b>	<p>(a) Ringgit Malaysia ("RM") <span style="float: right;"><input type="checkbox"/></span></p> <p>(b) Lain-lain: (Sila nyatakan)</p> <p>-----</p> <p>Sekiranya sekuriti baharu disenaraikan dan disebut harga dalam mata wang selain dari RM, sama ada kelulusan Bank Negara Malaysia telah diperolehi?</p> <p style="text-align: right;">Ya <input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: right;">Tidak <input type="checkbox"/></p>
10.	<b>Kedudukan sekuriti baharu</b>	<p>Sekuriti baharu # akan / tidak akan disenaraikan dan disebut harga seperti sekuriti yang sedia ada dari kelas yang sama.</p> <p>Jika sekuriti baharu akan disebut harga secara berasingan pada tarikh penyenaiaan, perincian dari tiada kelayakan</p> <p>_____</p> <p>_____</p>
11.	<b>Syer keutamaan boleh tebus</b>	<p>Maklumat tambahan untuk syer keutamaan boleh tebus seperti yang dinyatakan dalam Bahagian Part D, Tambahan NP17-B dilampirkan <span style="float: right;"><input type="checkbox"/></span></p>
12.	<b>*Perjawatan Pengarah dan/atau</b>	<p>Satu senarai menyatakan perjawatan pengarah dan/atau pemegang syer substansial di dalam perbadanan <span style="float: right;"><input type="checkbox"/></span></p>

## Permohonan Penyenaian untuk terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer

	<b>pemegang syer substansial dari pemegang syer mengawal</b>	tersenarai lain di Malaysia untuk 3 tahun yang lepas, adal dilampirkan.  <i>* Tidak terpakai kepada pemegang syer mengawal yang merupakan badan-badan berkanun menguruskan dana kepunyaan awam.</i>
13.	<b>Penerbitan sekuriti bukan berasaskan pro-rata</b>	Jika penerbitan baharu sekuriti adalah bukan berasaskan pro-rata - <input type="checkbox"/>  Senarai yang menyatakan kelas penerima letakan (iaitu sama ada mereka adalah pelabur awam atau pengarah/pemegang syer substansial pemohon) dan jumlah sekuriti yang akan ditumpukkan kepada setiap penerima letakan atau setiap kelas penerima letakan, dilampirkan.  Catatan: Jika penerima letakan dikenal pasti adalah perbadanan atau dana penama, nama-nama benefisiari muktamad mesti dizahirkan.
14.	<b>Persyaratan cadangan / penetapan harga</b>	(a) Harga terbitan # adalah/tidak bergantung pada mana-mana cadangan lain  (b) Cadangan ini # adalah / tidak bergantung pada mana-mana cadangan lain  Jika ya, untuk memberikan perincian mengenai pelaksanaan korporat lain, termasuk anggaran rangka masa untuk penyempurnaan.  _____
15.	<b>Spread pemegangan syer awam</b>	<b><u>SYER BIASA</u></b>  Jika cadangan itu mengakibatkan ketidakpatuhan dengan Kaedah 8.02 (1) LR, perincian pemegangan syer awam sebagaimana Bahagian B(1)(d) Tambahan NP15-A dan sebab-sebabnya dilampirkan. <input type="checkbox"/>
16.	<b>SKIM PEBERBITAN SYER</b>	
16A	<b>Pengesahan</b>	Kami mengesahkan bahawa Skim Penerbitan Syer tersebut mematuhi sepenuhnya dengan Bahagian G Bab 6 KP.
17.	<b>TERBITAN BONUS &amp; PEMBAHAGIAN KECIL SYER</b>	
17A	<b>Pengesahan pematuhan dan kecukupan rizab</b>	<b><u>Terbitan Bonus</u></b>  (a) Terbitan bonus adalah mematuhi sepenuhnya Kaedah 6.31 KP. <input type="checkbox"/>  (b) Akauntan pelapor atau juruaudit luar telah mengesahkan bahawa rizab tersebut adalah mencukupi untuk menampung isu permodalan selaras dengan Kaedah 6.31(2)(b), jika berkenaan. <input type="checkbox"/>

## Permohonan Penyenaian untuk terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer

		<p><b><u>Pembahagian kecil syer</u></b></p> <p>(c) Pembahagian kecil syer adalah mematuhi sepenuhnya Kaedah 6.31 (1A) KP <input type="checkbox"/></p> <p>(d) Pembahagian kecil syer yang dicadangkan akan diluluskan dengan cara -</p> <p>(i) ketetapan biasa selaras dengan perlembagaannya; atau <input type="checkbox"/></p> <p>(ii) ketetapan khas <input type="checkbox"/></p>
17B	Terbitan bonus dengan cara permodalan akan dipermodalakan sepenuhnya dari berikut:	<p>(a) Akaun Keuntungan Terkumpul <input type="checkbox"/></p> <p>(b) [Dipadamkan]</p> <p>(d) Lebihan hasil dari penilaian semula pelaburan dalam subsidiari dan syarikat bersekutu <input type="checkbox"/></p> <p>(d) Lebihan hasil dari penilaian semula harta tanah (sekurang-kurangnya 20% dari jumlah penilaian akan dikumpul) <input type="checkbox"/></p>
17C	Persyaratan	<p>(i) Terbitan bonus/pembahagian kecil syer adalah tidak bergantung pada cadangan korporat lain <input type="checkbox"/></p> <p>(ii) Terbitan bonus adalah bersyarat pada pembahagian kecil atau penyatuan yang serentak <input type="checkbox"/></p> <p>(iii) Terbitan bonus/pembahagian kecil syer adalah bersyarat pada cadangan korporat lain <input type="checkbox"/></p> <p>Untuk tentukan perincian dari cadangan korporat lain dan anggaran rangka masa untuk penyempurnaannya</p>
17D	Aku janji untuk terbitan / pembahagian kecil syer	<p>Kami membuat aku janji berikut:</p> <p>(i) pengembalian penumpukan akan difailkan dengan Pendaftar menurut Akta Syarikat atau berhubung perbadanan asing, dokumen yang berkaitan yang menunjukkan modal yang diterbitkan dan membayar yang terkini akan difailkan dengan pihak berkuasa berkaitan menurut undang-undang ia tempat diperbadankan;</p> <p>(ii) semua notis penumpukan akan dikeluarkan dan dihantarkan kepada pemegang yang berhak secepat mungkin dan dalam keadaan apa pun, selewat-lewatnya 4 hari pasaran selepas tarikh penyenaian dan sebutan harga;</p> <p>(iii) sekuriti baharu akan disenaraikan dan disebut seperti sekuriti tersenarai yang sedia ada dari kelas yang sama;</p> <p>(iv) semua syarat, termasuk syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan, jika ada, yang mesti dipenuhi sebelum penyenaian dan sebutan harga sekuriti akan dipenuhi;</p>

## Permohonan Penyenaian untuk terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer

		<p>(v) tidak terdapat keadaan atau fakta yang mempunyai kesan untuk mencegah atau melarang penerbitan, penyenaian dan/atau sebutan harga sekuriti tersebut termasuk apa-apa perintah, injuksi atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah undang-undang; dan</p> <p>(vi) untuk memberitahu Bursa dengan serta merta apabila mula menyedari, selepas penyerahan permohonan penyenaian, bahawa perbadanan tersenarai telah gagal untuk memenuhi mana-mana aku janji di atas yang disebut dalam perenggan (i) hingga (iv) atau mana-mana keadaan atau fakta yang disebut dalam perenggan (v) di atas.</p>
<b>18.</b>	<b>TERBITAN SEKURITI BUKAN BERASASKAN PRO RATA BAWAH MANDAT AM</b>	
<b>18A</b>	<b>Pengesahan dari Penaja atau Penasihat, dalam kes yang berkenaan</b>	<p>Kami mengesahkan bahawa –</p> <p>(i) Kaedah 6.04 KP telah dipatuhi <input type="checkbox"/></p> <p>(ii) Kaedah 6.05 KP telah dipatuhi <input type="checkbox"/></p>
<b>19.</b>	<b>CADANGAN KORPORAT YANG TERMASUK BAWAH PERENGGAN 4.1 DAN 4.2 NOTA PANDUAN 17</b>	
<b>19A</b>	<b>Aku janji untuk cadangan Korporat yang menerapkan prosedur bawah perenggan 4.1 and 4.2</b>	<p>Kami membuat aku janji berikut:</p> <p>(a) pengembalian penumpukan akan difailkan dengan Pendaftar menurut Akta Syarikat atau berhubung perbadanan asing, dokumen yang berkaitan yang menunjukkan modal yang diterbitkan dan berbayar yang terkini akan difailkan dengan pihak berkuasa yang berkaitan menurut undang-undang tempat ia diperbadankan;</p> <p>(b) semua notis penunpukan akan dikeluarkan dan dihantarkan kepada pemegang yang berhak secepat mungkin dan dalam keadaan apa pun, selewat-lewatnya 4 hari pasaran selepas tarikh penyenaian dan sebutan harga;</p> <p>(c) sekuriti baharu akan disenaraikan dan disebut seperti sekuriti tersenarai yang sedia ada dari kelas yang sama</p> <p>(d) semua syarat, termasuk syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan, jika ada, yang mesti dipenuhi sebelum penyenaian dan sebutan harga sekuriti akan dipenuhi</p> <p>(e) tidak terdapat keadaan atau fakta yang mempunyai kesan untuk mencegah atau melarang penerbitan, penyenaian dan/atau sebutan harga sekuriti tersebut termasuk apa-apa perintah, injuksi atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah undang-undang; dan</p> <p>(f) untuk memberitahu Bursa dengan serta merta apabila mula menyedari, selepas penyerahan permohonan penyenaian,</p>

## Permohonan Penyenaiaan untuk terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer

		<p>bahawa perbadanan tersenarai telah gagal untuk memenuhi mana-mana aku janji di atas yang disebut dalam perenggan (a) hingga (d) atau mana-mana keadaan atau fakta yang disebut dalam perenggan (e) di atas; dan</p> <p>(g) untuk mengumumkan kepada Bursa maklumat yang berkaitan selaras dengan perenggan 12.2 Nota Panduan 17.</p>
<p>_____ [Penandatanganan yang Dibenarkan dari Penaja/Penasihat] Nama: Jawatan: Tarikh:</p>		<p>_____ [Penandatanganan yang Dibenarkan dari perbadanan tersenarai] Nama: Jawatan: Tarikh:</p>

**Bahagian B****Dokumen untuk difailkan dengan permohonan penyenaiaan untuk terbitan baharu sekuriti pembahagian kecil syer**

(perenggan 6.1(b), 7.1 dan 8.1)

- (1) Perbadanan tersenarai mesti memfail dokumen berikut dalam menyokong permohonan penyenaiaan untuk terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer:
- (a) satu salinan pengumuman, pekeliling, prospektus atau prospektus ringkas yang didaftarkan dengan pihak berkuasa yang berkenaan;
  - (b) satu salinan yang diperakui ketetapan yang berkaitan yang telah diluluskan oleh pemegang sekuriti dalam mesyuarat agung;
  - (c) satu surat dari Penaja atau Penasihat perbadanan tersenarai, dalam kes yang berkenaan, yang mengesahkan semua kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan telah diperolehi;
  - (d) satu salinan setiap surat kelulusan dari pihak berkuasa yang berkenaan;
  - (dA) dalam kes terbitan bonus dengan cara permodalan -
    - (i) pernyataan dari perbadanan tersenarai yang mengesahkan bahawa ia mempunyai rizab yang mencukupi untuk menampung permodalan; dan
    - (ii) jika pengesahan oleh juruaudit luar atau akauntan pelapor dikehendaki bawah Kaedah 6.31(2)(b) Kehendak-kehendak Penyenaiaan, laporan dari juruaudit luar atau akauntan pelapor;
  - (dB) dalam kes terbitan bonus atau pembahagian kecil syer, satu jadual yang menunjukkan sebelum dan selepas terbitan bonus/pembahagian kecil syer, yang berikut:
    - (i) penentuan atau hak milik setiap kelas syer; dan
    - (ii) bilangan syer yang diterbitkan.

**Permohonan Penyenaian untuk terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer**

---

- (e) dalam kes Skim Penerbitan Syer, satu salinan draf undang-undang kecil; dan
  - (f) untuk cadangan yang menerapkan prosedur bawah perenggan 3.0 dan 4.0 Nota Panduan 17, cek yang dikeluarkan untuk membayar Bursa Malaysia Securities Berhad atau apa-apa bukti pembayaran lain yang boleh diterima oleh Bursa untuk fi pemprosesan dan penyenaian sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bursa dari semasa ke semasa, bersama-sama satu salinan perincian mengenai pengiraan jumlah fi penyenaian yang perlu dibayar.
- (2) Sekiranya mana-mana dokumen di atas tidak difailkan disebabkan ia tidak terpakai atau tersedia dalam hal apa pun, perbadanan tersenarai mesti menyerahkan satu ekshibit yang menerangkan mengapa dokumen tersebut tidak terpakai atau tersedia.
- (3) Pengesahan dalam subperenggan (1)(c) di atas boleh diberikan oleh perbadanan tersenarai dan bukannya Penaja atau Penasihat, dalam kes yang berkenaan, untuk permohonan penyenaian pembahagian kecil syer atau terbitan baharu sekuriti hasil dari -
- (a) pelaksanaan atau pertukaran sekuriti boleh tukar;
  - (b) pelaksanaan opsyen bawah Skim Penerbitan Syer; atau
  - (c) Terbitan Bonus Ditentukan sekuriti ekuiti.

**Bahagian C****Dokumen untuk difailkan dengan permohonan sebutan harga untuk terbitan baharu sekuriti**  
(perenggan 6.2)

- (1) Perbadanan tersenarai mesti memfailkan dokumen yang berikut dalam menyokong permohonan sebutan harga untuk terbitan baharu sekuriti:
- (a) satu pengesahan perbadanan tersenarai mengenai modal syer terkini dan bilangan syer yang diterbitkan;
  - (b) satu pengesahan bahawa semua notis penumpukan telah dikeluarkan dan dihantarkan kepada pemegang yang berhak;
  - (c) satu pengesahan dari perbadanan tersenarai bahawa Depositori sudah bersedia untuk mengkreditkan sekuriti baharu ke akaun pemegang yang berhak, selepas menerima maklumat penumpukan untuk mengkreditkan sekuriti baharu;
  - (d) satu cek yang dikeluarkan untuk membayar Bursa Malaysia Securities Berhad atau apa-apa bukti pembayaran lain yang boleh diterima oleh Bursa untuk fi penyenaian sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bursa dari semasa ke semasa, bersama-sama satu perincian mengenai pengiraan dari jumlah fi penyenaian yang perlu dibayar;
  - (e) satu pengesahan daripada Penaja atau Penasihat perbadanan tersenarai, mengikut mana-mana yang berkenaan, sama ada terbitan baharu sekuriti akan disenaraikan dan disebut harga seperti sekuriti yang sedia ada dari kelas yang sama atau akan disebut harga secara berasingan pada tarikh penyenaian. Sekiranya terbitan baharu sekuriti akan disebut harga secara berasingan pada tarikh penyenaian, untuk menentukan hak yang tidak terdapat untuk pemegang sekuriti terbitan baharu;
  - (f) satu pengesahan dari Penaja atau Penasihat perbadanan tersenarai, dalam kes yang berkenaan, bahawa semua syarat termasuk syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak

**Permohonan Penyenaiaan untuk terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer**

---

berkuasa yang berkaitan, jika ada, yang dikehendaki untuk dipenuhi sebelum penyenaiaan dan sebutan harga sekuriti telah dipenuhi;

- (g) satu pengesahan daripada Penaja atau Penasihat perbadanan tersenarai, mengikut mana-mana yang berkenaan, bahawa tidak terdapat keadaan atau fakta yang mempunyai kesan untuk mencegah atau melarang penerbitan, penyenaiaan dan/atau sebutan harga sekuriti termasuk apa-apa perintah, injunksi atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah undang-undang; dan
  - (h) dokumen lain yang tidak/belum diserahkan menurut Bahagian B Tambahan NP17-B.
- (2) Pengesahan yang berkaitan dalam subperenggan (1)(e), (f) atau (g) di atas boleh diberikan oleh perbadanan tersenarai dan bukannya dari Penaja atau Penasihat, dalam kes yang berkenaan, untuk permohonan sebutan harga terbitan baharu sekuriti hasil dari -
- (a) pelaksanaan atau pertukaran sekuriti boleh tukar;
  - (b) pelaksanaan opsyen bawah Skim Penerbitan Syer; atau
  - (c) Terbitan Bonus Ditentukan dari sekuriti ekuiti.

**Bahagian D****Maklumat tambahan untuk syer keutamaan boleh ditebus**

(perenggan 7.1(a))

- (1) Kadar dividen keutamaan dan tarikh pembayaran dividen keutamaan.
- (2) Kaedah penebusan.
- (3) Ringkasan terma material lain dari terbitan.

**Bahagian E****Dokumen sokongan tambahan untuk difailkan dengan permohonan penyenaiaan untuk syer keutamaan boleh tebus**

(perenggan 7.1(b))

- (1) Perbadanan tersenarai mesti memfailkan satu salinan perlembagaannya dalam menyokong permohonan penyenaiaan untuk syer keutamaan boleh tebus.

**Bahagian F****Dokumen sokongan tambahan untuk difailkan dengan permohonan penyenaiaan untuk sekuriti boleh tukar**

(perenggan 8.1)

- (1) Perbadanan tersenarai mesti memfailkan satu salinan surat ikatan pol yang dilaksanakan dalam menyokong permohonan penyenaiaan untuk sekuriti boleh tukar.
- (2) Sekiranya dokumen di atas tidak difailkan kerana tidak terpakai dalam hal apa pun, perbadanan tersenarai mesti menyerahkan satu ekshibit berasingan yang menerangkan mengapa dokumen tersebut tidak terpakai.

[Tambahan tamat]